

## BAB TIGA

### MAF'UL MUTLAQ

#### 3.0. Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang definisi maf'ul mutlaq, fungsi maf'ul mutlaq dan agen yang menasabkan maf'ul mutlaq. Seterusnya dibincangkan juga tentang menzahirkan agen yang menasabkan maf'ul mutlaq, pengganti masdar yang berfungsi sebagai maf'ul mutlaq dan bentuk maf'ul mutlaq.

#### 3.1. Definisi

Maf'ul mutlaq<sup>1</sup> ialah kata nama terbitan yang mengandungi makna kata kerja yang tidak terikat dengan masa. Contohnya <sup>2</sup> اِسْعَ لِلْمَعْرُوفِ سَعِيًّا (berusahalah betul-betul untuk kebaikan). Kata nama terbitan سَعِيًّا adalah maf'ul mutlaq kerana ia tidak terikat dengan masa.

---

<sup>1</sup> al-Sabban, Juz. 2 ms. 110-111

<sup>2</sup> al-Diqr, ms. 488

### 3.2. Fungsi Maf'ul Mutlaq

Di antara fungsi maf'ul mutlaq ialah :

a) Menkuat dan mengukuhkan agennya. Sebagai contoh<sup>1</sup> ضَرَبْتُ ضَرْبًا

(Aku memukul secara bersungguh-sungguh). Kata nama (ضَرْبًا) adalah

maf'ul mutlaq kepada kata kerja (ضَرَبَ). Penggunaan kata nama (ضَرْبًا) akan

lebih meyakinkan pendengar bahawa kata kerja (ضَرَبَ) memang betul-betul

berlaku. Dan dalam masa yang sama tidak ada ruang lagi bagi mana-mana

pihak untuk menafikan serta mempertikaikan kesahannya iaitu kesahan

berlakunya kata kerja ضَرَبَ.

b) Menerangkan serta menentukan jenisnya.

Contohnya قَابَلْتُهُ مُقَابَلَةً الْكَرِيمِ<sup>2</sup> (Aku berjumpa dengannya sebagai perjumpaan

orang yang mulia). Kata nama (مُقَابَلَةً) adalah maf'ul mutlaq kepada kata

kerja (قَابَلْتُ). Seterusnya, kata nama (الْكَرِيمِ) mengkhususkan jenis maf'ul

---

<sup>1</sup> al-Namir, ms. 98.

<sup>2</sup> Tilb, Juz. 2, ms. 95.

mutlaq bagi kata kerja (قَابَلْتُ). Ini membawa erti apabila disertakan kata nama (الكَرِيم) di dalam ayat ini, ia menerangkan secara tepat bentuk perjumpaan yang berlaku, iaitu bentuk serta jenis ialah perjumpaan orang yang mulia. Tetapi sekiranya ayat ini, hanya setakat قَابَلْتُهُ مُعَابَلَةً (Aku memang berjumpa dengannya). Ini akan membawa tanggapan yang pelbagai di kalangan orang ramai tentang bentuk perjumpaan tadi. Mungkin mereka akan menganggap sebagai perjumpaan orang yang hina atau sebagainya.

c) Untuk menerangkan bilangan.

Sebagai contoh قَرَأْتُ الْكِتَابَ قِرَاءَتَيْنِ<sup>1</sup> (Aku membaca buku itu sebanyak dua kali). Kata nama (قِرَاءَتَيْنِ) adalah maf'ul mutlaq kepada kata kerja (قَرَأْتُ).

Apabila disertakan kata nama (قِرَاءَتَيْنِ) di dalam ayat ini, ia akan menerangkan secara tepat berapa kalikah berlakunya kata kerja (قَرَأْتُ). Kalau ayat ini hanya berbunyi (قَرَأْتُ الْكِتَابَ) (Aku membaca buku itu) maka bukan setakat tidak diketahui tentang kekerapan berlakunya kata kerja (قَرَأْتُ) malah

---

<sup>1</sup> al-Rajhiy, ms. 227.

kesahihan sama ada ia benar-benar berlaku atau pun tidak, masih boleh dipertikaikan lagi.

d) Untuk menerangkan jenis, bilangan dan mengukuhkan agen secara serentak. Contohnya قَرَأْتُ الْكِتَابَ قِرَاءَتَيْنِ نَافِعَتَيْنِ<sup>1</sup> (Aku telah membaca buku itu sebanyak dua kali yang kedua-duanya adalah bacaan yang berguna). Kata nama قِرَاءَتَيْنِ adalah maf'ul mutlaq kepada kata kerja قَرَأْتُ. Apabila disertakan kata nama قِرَاءَتَيْنِ di dalam ayat ini, ia akan menerangkan secara tepat berapa kalikah berlaku kata kerja قَرَأْتُ. Kalau ayat ini hanya berbunyi قَرَأْتُ الْكِتَابَ (Aku telah membaca buku itu) maka bukan setakat tidak diketahui tentang kekerapan berlakunya kata kerja قَرَأْتُ malah kesahihan sama ada ia benar-benar berlaku ataupun tidak, masih boleh dipertikaikan lagi. Seterusnya apabila disusuli dengan kata nama نَافِعَتَيْنِ ia menerangkan pula jenis bacaan tersebut secara tepat.

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms.209.

### 3.3. Agen Yang Menasabkan Maf'ul Mutlaq

Agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah:

(a) Kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) yang serupa dengannya dari sudut lafaz dan makna.<sup>1</sup> Sebagai contohnya <sup>2</sup> ( فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَاؤُكُمْ جَزَاءً مَّوْفُورًا ) (Maka sesungguhnya neraka jahanamlah balasan kamu semua, sebagai balasan yang cukup). Dalam ayat suci al-Qur'an di atas maf'ul mutlaq iaitu (جَزَاءً) dinasabkan oleh kata nama terbitan seumpamanya dari sudut lafaz dan maknanya iaitu (جَزَاءً).

(b) Kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) yang serupa dengannya dari sudut makna sahaja. Sebagai contohnya <sup>3</sup> أَعْجَبَنِي إِيمَانُكَ تَصْدِيقًا (Keimanan engkau menakjubkan aku dengan penuh kepercayaan). Dalam ayat di atas maf'ul mutlaq iaitu kata nama (تَصْدِيقًا) dinasabkan oleh kata nama terbitan iaitu

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 447; Tilb: ms. 96; al-Sabban, Juz 2, ms. 112; Amin 'Ali al-Sayyid, Juz. 1, ms. 301.

<sup>2</sup> Surah al-Isra', ayat 63.

<sup>3</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 325; Tilb, ms. 96.

(إِيمَانٌ). Yang mana kata nama (إِيمَانٌ) ini hanya serupa dengan kata nama (تَصَدِيقًا) dari sudut makna sahaja.

(c) Kata kerja mutasarrif tam.<sup>1</sup> Kata kerja mutasarrif tam ialah kata kerja yang berbeza-beza strukturnya disebabkan perbezaan masa berlaku kata kerja tersebut. Ia boleh berlaku pada kala lalu, sekarang dan kata kerja suruhan.<sup>2</sup>

Sebagai contohnya <sup>3</sup>( وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا ) (Dan Allah s.w.t. telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan)). Dalam ayat suci al-Qur'an di atas maf'ul mutlaq iaitu kata nama (تَكْلِيمًا) dinasabkan oleh kata kerja (كَلَّمَ). Yang mana kata kerja (كَلَّمَ) ini adalah kata kerja mutasarrif tam. Yang dimaksudkan dengan kata kerja mutasarrif tam ialah kata kerja yang boleh digunakan dalam tiga bentuk iaitu bentuk kala lampau (كَلَّمَ), bentuk kala kini (يُكَلِّمُ) dan bentuk perintah (كَلِّم). Seterusnya kata nama terbitan (تَكْلِيمًا) yang

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms.447.

<sup>2</sup> Muhammad 'Abd al-Khaliq Udaimah, ms. 39-40.

<sup>3</sup> Surah al-Nisa', ayat164.

menjadi maf'ul mutlaq adalah serupa dengan agen yang menasabkannya dari sudut lafaz dan makna iaitu kata kerja (كَلِمًا).

(d) Wasf<sup>1</sup>, Wasf ialah suatu perkataan yang menunjukkan sifat suatu benda atau keadaannya.<sup>2</sup> Ia terdiri dari:

i) Kata nama pelaku. Contohnya <sup>3</sup> ( وَالصَّافَّاتِ صَفًّا ) (Demi (hamba-hambaKu) yang berbaris-baris dengan berderet-deret). Dalam ayat suci al-Qur'an di atas maf'ul mutlaq (صَفًّا) dinasabkan oleh kata nama pelaku yang sama dengannya dari sudut lafaz dan juga makna iaitu ( وَالصَّافَّاتِ ).

(ii) Kata nama objek (اسْمُ الْمَفْعُولِ).

Contohnya <sup>4</sup> هَذَا الرَّجُلُ مَحْبُوبٌ حُبًّا شَدِيدًا بَيْنَ قَوْمِهِ (Lelaki ini adalah orang yang amat disayangi di kalangan kaumnya). Kata nama terbitan yang menjadi maf'ul mutlaq iaitu (حُبًّا) dinasabkan oleh kata nama objek yang serupa dengannya dari sudut lafaz dan makna iaitu (مَحْبُوبٌ). Sekiranya kata nama

---

<sup>1</sup> Tilb, ms. 96; al-Diqr: ms. 447.

<sup>2</sup> al-Jurjaniy, ms. 252; Imil Badi' Ya'qub, ms. 713

<sup>3</sup> Surah al-Saffat, ayat 1.

<sup>4</sup> al-Rajhiy, ms. 228.

terbitan yang menjadi maf'ul mutlaq hanya sama dengan agen yang menasabkannya dari sudut makna sahaja maka ayat ini akan berbunyi sama ada هَذَا الرَّجُلُ مَحْبُوبٌ عَطْفًا شَدِيدًا بَيْنَ قَوْمِهِ (lelaki ini adalah orang yang amat disayangi di kalangan kaumnya). Yang mana kata nama (عَطْفًا) yang menjadi maf'ul mutlaq dinasabkan oleh kata nama objek (مَحْبُوبٌ). Atau ayat ini akan berbunyi هَذَا الرَّجُلُ مَعْطُوفٌ حُبًّا شَدِيدًا بَيْنَ قَوْمِهِ (Lelaki ini adalah orang yang amat disayangi dalam kalangan kaumnya). Yang mana kata nama (حُبًّا) yang menjadi maf'ul mutlaq dinasabkan oleh kata nama objek (مَعْطُوفٌ).

(iii) Pola kepalangan.<sup>1</sup> Contohnya <sup>2</sup> أَنَا ضَرَّابٌ السَّارِقِ ضَرْبًا شَدِيدًا (Aku amat memukul pencuri pukulan yang kuat). Dalam ayat di atas, kata nama terbitan yang menjadi maf'ul mutlaq iaitu (ضَرْبًا) dinasabkan oleh kata nama pola kepalangan yang sama dengannya dari sudut lafaz dan makna iaitu (ضَرَّابٌ).

<sup>1</sup> Tilb, ms. 97; al-Azhariy, Juz. 1, ms. 325.

<sup>2</sup> Abu Sa'id 'Abd al-Majid, Juz. 2, ms. 90.

### 3.4 Menzahirkan Agen Yang Menasabkan Maf'ul Mutlaq

Agen maf'ul mutlaq yang mengukuhkan kata kerjanya tidak harus dibuang. Ini disebabkan kewujudan maf'ul mutlaq disini adalah semata-mata untuk menguatkan serta mengiakan bahawa kata kerja tersebut benar-benar berlaku. Sekiranya dibuangkan juga agennya atau kata kerjanya ia akan menafikan fungsi maf'ul mutlaq iaitu mengukuhkan agennya.<sup>1</sup>

Orang-orang Arab biasanya tidak menyebut agen dan menggantikan peranannya dengan masdar untuk tujuan penegasan pada tempat-tempat tertentu.<sup>2</sup> Maka dari sini ahli nahu membuat kesimpulan bahawa agen hendaklah digugurkan pada tempat-tempat tertentu. Antaranya ialah:

(a) Gaya insya' talabiy<sup>3</sup>. Contohnya <sup>4</sup> قِيَامًا (Berdiri) kata nama (قِيَامًا) adalah maf'ul mutlaq kepada agennya yang tidak disebut iaitu kata kerja (قُومُوا). Penggugurannya berdasarkan ia sudah difahami melalui keadaan semasa. Yang mana ungkapan (قِيَامًا) ini ditujukan kepada para hadirin di dalam suatu majlis ketika kedatangan orang yang diraikan iaitu ketua di

---

<sup>1</sup> Ibid, ms. 103; Li. 'Abbas Hasan, Juz 2, ms. 219.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 220.

<sup>3</sup> Babsiy, Juz. 2, ms. 1043.

<sup>4</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 221.

dalam majlis tersebut. Pembuangan kata kerja di dalam ungkapan ini hukumnya wajib. Dalam konteks ini, masdar iaitu kata nama (قِيَامًا) adalah pengganti kepada kata kerja (قَوْمًا) dari sudut makna. Dan dalam masa yang sama terdapat ganti mana yang tersembunyi (مُسْتَتِرٌ) pada kata nama (قِيَامًا) sebagai pelaku kepada kata kerja (قَوْمًا). Maka setelah dibuang kata kerja (قَوْمًا) ini, gantinama yang tersembunyi (مُسْتَتِرٌ) menjadi pelaku kepada kata nama (قِيَامًا).<sup>1</sup> Takdirnya ialah (قَوْمًا قِيَامًا).

Setengah ahli nahu berpendapat kata nama (قِيَامًا) hanya mengandungi kata ganti nama yang tersembunyi (مُسْتَتِرٌ) yang terdapat dalam agennya yang dibuang iaitu kata kerja (قَوْمًا).<sup>2</sup>

Manakala setengah ahli nahu yang lain pula berpendapat kata nama (قِيَامًا) adalah pengganti kepada agennya yang dibuang iaitu kata kerja (قَوْمًا)

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 221.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 221.

dan juga pengganti kepada pelaku bagi kata kerja <sup>1</sup> (فُؤْمُوا) iaitu kata ganti nama yang tersembunyi (مُسْتَتْرٍ).

Mengikut pendapat ‘Abbas Hasan, pendapat yang pertama adalah lebih baik kerana pendapat ini selari dengan kaedah nahu secara umum. Manakala pendapat yang kedua pula adalah lebih ringan dan senang lagi. Seterusnya percanggahan pendapat ini tidak meninggalkan apa-apa kesan terhadap penggunaannya sama ada dalam pertuturan mahu pun dalam penulisan.<sup>2</sup>

(b) Gaya insya’ ghair talabiy.<sup>3</sup> Ia menggunakan kata nama terbitan yang hanya bertujuan untuk memberitahu sesuatu perkara kepada pendengar untuk diterima. Dan tidak bertujuan untuk meminta sesuatu daripada pendengar. Kata nama terbitan jenis ini biasanya diungkapkan di dalam perumpamaan Arab.<sup>4</sup> Contohnya حَمْدًا وَشُكْرًا لَا كُفْرًا<sup>5</sup> (Pujian dan kesyukuran, bukan kekufuran). Kata nama حَمْدًا adalah maf‘ul mutlaq kepada agennya yang telah dibuang iaitu kata kerja أَحْمَدُ. Manakala kata nama (شُكْرًا) pula

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Babsiy, Juz. 2, ms. 1044.

<sup>4</sup> Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 223.

<sup>5</sup> Babsiy, Juz. 2, ms. 1044.

adalah maf'ul mutlaq kepada agennya yang telah dibuang iaitu kata kerja (أَشْكُرُ). Seterusnya kata nama (كُفْرًا) pula adalah maf'ul mutlaq kepada agennya yang dibuang iaitu kata kerja (أَكْفُرُ). Pembuangan agen-agen yang menasabkan maf'ul mutlaq berdasarkan ia sudah difahami melalui keadaan semasa. Dimana ungkapan (حَمْدًا, وَشُكْرًا, لَاكُفْرًا) ini diluahkan oleh orang Arab untuk mengingati nikmat yang dikecapinya. Pada asalnya ungkapan ini berbunyi أَحْمَدُ اللَّهَ وَأَشْكُرُهُ وَلَا أَكْفُرُ بِهِ<sup>1</sup> (Aku memuji terhadap Allah s.w.t. dan bersyukur kepadanya serta aku tidak kufur terhadapnya). Orang-orang Arab mengulangi tiga perkataan sekaligus (حَمْدًا, وَشُكْرًا, لَاكُفْرًا) adalah bertujuan untuk memuji dan bersyukur dan dalam masa yang sama untuk menafikan kekufurannya terhadap Allah (s.w.t.). Dalam konteks ini, agen-agen yang menasabkan maf'ul mutlaq iaitu kata kerja (أَحْمَدُ) kata kerja (أَشْكُرُ) dan kata kerja (لَا أَكْفُرُ) hendaklah dibuang disebabkan ia disebut secara sekaligus. Ini adalah bertujuan untuk menjaga ma'thur (مُرَاعَاةٌ لِلْمَأْتُورِ) supaya ia terpelihara sama ada dari sudut susun atur ungkapannya atau ayatnya. Jika tidak berhimpun ketiga-tiga kata nama (حَمْدًا, وَشُكْرًا, لَاكُفْرًا)

---

<sup>1</sup> Babtiy, Juz 2, ms. 1044; Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 223

secara sekaligus, pembuangan agen yang menasabkannya adalah tidak wajib.<sup>1</sup>

(c) Gaya Penyata (خَبَرِيٌّ)<sup>2</sup>

Sebagai contohnya صَوْتُ الْبُيُوتِ صَوْتُ الْبُيُوتِ<sup>3</sup> (Penyanyi itu mempunyai suara menyerupai suara burung kenari). Kata nama (صَوْتُ) yang kedua adalah maf'ul mutlaq kepada agennya yang telah dibuang iaitu kata kerja (يَصُوتُ).

Gaya penyata ini datang selepas dari ayat yang mana sudah terkandung di dalam ayat tersebut makna masdar yang menunjukkan penyerupaan (الْمَصْدَرُ دَالٌّ عَلَى التَّشْبِيهِ) secara ringkas dan ayat tersebut juga mengandungi pelaku kepada masdar yang menunjukkan penyerupaan (الْمَصْدَرُ دَالٌّ عَلَى التَّشْبِيهِ). Pelaku yang terdapat dalam ayat tersebut ialah pelaku dari sudut makna. Yang dimaksudkan pelaku secara makna atau bahasa di sini bukannya dari sudut nahu ialah di dalam ayat tersebut terdapat pelaku yang sebenar kepada kata kerja.<sup>4</sup> Maka dalam ayat di atas yang berbunyi صَوْتُ الْبُيُوتِ صَوْتُ الْبُيُوتِ (suara penyanyi itu menyerupai suara

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz 2, ms. 223.

<sup>2</sup> Babtuy, Juz 2, ms. 1044.

<sup>3</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz 2, ms. 228.

<sup>4</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz 2, ms. 227.

burung kenari) terdapat pelaku yang sebenar kepada kata kerja yang dibuang (يَصُوتُ) iaitu kata nama (الْمَعْنَى).<sup>1</sup>

3.4.1. Bagi maf'ul mutlaq yang menerangkan jenis harus dibuang agennya.

(i) Apabila terdapat bukti dari sudut konteks (دَلِيلٌ مَّقَالِيٌّ) tentang pembuangannya. Yang dimaksudkan dengan (دَلِيلٌ مَّقَالِيٌّ) ialah walaupun agennya dibuang tetapi agen tersebut boleh difahami melalui ungkapan atau kata-kata yang dipertuturkan oleh orang yang bercakap. Di samping itu pula, pembuangan agen tersebut tidak merosakkan makna serta ayat dan ia boleh difahami dengan jelas dan baik. Sebagai contohnya جُلُوسًا طَوِيلًا<sup>2</sup> (Duduk dalam jangka masa yang panjang). Kata nama (جُلُوسًا) adalah maf'ul mutlaq kepada agennya yang dibuang iaitu kata kerja (جَلَسَ). Pembuangan agen yang menasabkan maf'ul mutlaq di dalam ayat diatas berdasarkan ia sudah difahami melalui ungkapan atau kata-kata orang yang bercakap. Ungkapan ini iaitu (جُلُوسًا طَوِيلًا) merupakan jawapan bagi

---

<sup>1</sup>, Ibid.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz 2, ms. 219.

pertanyaan yang berbunyi: هَلْ جَلَسَ الزَّائِرُ عِنْدَكَ؟<sup>1</sup> (Adakah pelawat telah duduk di samping engkau?).

(ii) Apabila terdapat bukti dari sudut situasi (دَلِيلٌ حَالِيٌّ) tentang pembuangannya. Yang dimaksudkan dengan (دَلِيلٌ حَالِيٌّ) ialah, walaupun agennya dibuang tetapi agen tersebut difahami melalui apa saja yang berlaku semasa diluahkan kata-kata tersebut serta situasi setempat. (دَلِيلٌ حَالِيٌّ) ini tidak mempunyai hubung kait langsung dengan bukti dari sudut konteks (دَلِيلٌ مَقَالِيٌّ) kerana ia bukanlah merupakan sesuatu lafaz yang dipertuturkan. Sebagai contohnya إِصَابَةٌ سَرِيعَةٌ<sup>2</sup> (tangkapan yang cepat). Kata nama (إِصَابَةٌ) maf'ul mutlaq kepada agennya yang dibuang iaitu kata kerja (أَصَابَ). Pada asalnya ayat ini berbunyi أَصَابَ الصَّيَّادُ فَرِيَسَتَهُ إِصَابَةً سَرِيعَةً (Pemburu mendapatkan mangsa buruannya dengan cepat sekali).

Pembuangan agen yang menasabkan maf'ul mutlaq di dalam ayat di atas, berdasarkan ia sudah difahami melalui apa yang berlaku semasa

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz 2, ms. 219.

diluahkan kata-kata tersebut serta situasi setempat pada ketika itu. Ungkapan ini iaitu (إِصَابَةٌ سَرِيعَةً) diluahkan ketika orang yang bercakap sedang melihat seorang pemburu mendapatkan mangsa buruannya secara pantas sekali.

3.4.2. Bagi maf'ul mutlaq yang menerangkan bilangan harus dibuang agennya.

(i) Apabila terdapat bukti dari sudut konteks (دَلِيلٌ مَّقَالِيٌّ) tentang pembuangannya. Yang dimaksudkan dengan (دَلِيلٌ مَّقَالِيٌّ) ialah walaupun agennya dibuang tetapi agen tersebut boleh difahami melalui ungkapan atau kata-kata yang dipertuturkan oleh orang yang bercakap. Di samping itu pula, pembuangan agen tersebut tidak merosakkan makna serta ayat, dan ia boleh difahami dengan jelas dan baik. Contohnya رَجَعْتَيْنِ<sup>1</sup> (Dua kali pulang). Kata nama (رَجَعْتَيْنِ) adalah maf'ul mutlaq kepada agennya yang dibuang iaitu kata kerja (رَجَعْتُ). Pada asalnya ayat ini berbunyi رَجَعْتُ رَجَعْتَيْنِ (Aku pulang sebanyak dua kali). Pembuangan agen yang menasabkan maf'ul mutlaq di dalam ayat di atas berdasarkan ia sudah

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 219.

difahami melalui ungkapan atau kata-kata orang yang bercakap. Ungkapan ini iaitu (رَجَعْتَيْنِ) merupakan jawapan bagi pertanyaan yang berbunyi هل رَجَعْتَ إِلَى بَيْتِكَ الْيَوْمَ؟<sup>1</sup> (Adakah engkau pulang ke rumah engkau pada hari ini?).

(ii) Apabila terdapat bukti dari sudut situasi (دَلِيلٌ حَالِيٌّ) tentang pembuangannya. Yang dimaksudkan dengan (دَلِيلٌ حَالِيٌّ) ialah, walaupun agennya dibuang tetapi agen tersebut difahami melalui apa yang berlaku semasa diluahkan kata-kata tersebut serta situasi setempat. (دَلِيلٌ حَالِيٌّ) ini tidak mempunyai hubung kait langsung dengan (دَلِيلٌ مَعَالِيٌّ) kerana ia bukanlah merupakan sesuatu lafaz yang dipertuturkan sebagaimana (دَلِيلٌ مَعَالِيٌّ). Sebagai contohnya دَوْرَتَيْنِ<sup>2</sup> (dua pusingan). Kata nama (دَوْرَتَيْنِ) adalah maf'ul mutlaq kepada agennya yang dibuang iaitu kata kerja (دَارَتْ). Pada asalnya ayat ini berbunyi دَارَتْ الْحَيْلُ دَوْرَتَيْنِ (Kuda betina itu berlari sebanyak dua pusingan).

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms: 219

Pembuangan agen yang menasabkan maf'ul mutlaq di dalam ayat di atas berdasarkan ia sudah difahami melalui apa yang berlaku semasa diluahkan kata-kata tersebut serta situasi setempat pada ketika itu. Ungkapan ini iaitu (دَوْرَتَيْنِ) diluahkan ketika orang yang bercakap sedang melihat seekor kuda lumba betina sedang berlari.

### **3.5. Pengganti Masdar Yang Berfungsi Sebagai Maf'ul Mutlaq.**

Masdar yang berfungsi sebagai maf'ul mutlaq harus dibuang apabila ia sama dengan agen yang menasabkannya. Sebagai contohnya <sup>1</sup>فَرِحْتُ فَرِحًا (Aku sungguh gembira).

#### **(a) Maf'ul Mutlaq Yang Menerangkan Jenis**

Bagi maf'ul mutlaq yang menerangkan jenis masdarnya digantikan oleh:

---

<sup>1</sup> Babsiy, Juz 2, ms. 1041

(i) Keseluruhannya (كُلِّيَّتُهُ)<sup>1</sup> yang dimaksudkan dengan keseluruhannya ialah, ia mengandung serta merangkumi makna masdar yang berfungsi sebagai maf'ul mutlaq secara keseluruhan.

Sebagai contohnya <sup>2</sup> ( فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمَيْلِ ) (Oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi)). Dalam ayat al-Qur'an al-Karim di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq yang asal ialah kata kerja (تَمِيلُوا). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (مَيْلًا). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh kata nama (كُلَّ). Jika ditakwilkan, ayat suci al-Qur'an ini akan berbunyi فَلَا تَمِيلُوا مَيْلًا كُلَّ الْمَيْلِ (Oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi)).

(ii) Bilangannya (عَدَدُهُ)<sup>3</sup> Yang dimaksudkan dengan bilangannya ialah, bilangan mengambil alih tempat masdar sebagai maf'ul mutlaq.

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 448; Tilb, ms. 98; Babtuy, Juz 2, ms. 1041; 'Aliy Rida, Juz 2, ms. 53.

<sup>2</sup> Surah al-Nisa', ayat 129.

<sup>3</sup> al-Diqr, ms. 448; Tilb, ms. 101; al-Namir, ms. 98.

Sebagai contohnya <sup>1</sup> ( فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً ) (Maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat). Dalam ayat suci al-Qur'an di atas agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (اجْلِدُوا). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (جَلْدًا). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh kata nama (ثَمَانِينَ) yang menerangkan berapakah bilangan berlakunya kata nama (جَلْدًا). Jika ditakwilkan, ayat suci al-Qur'an ini akan berbunyi فَاجْلِدُوهُمْ جَلْدًا ثَمَانِينَ جَلْدَةً (Maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat).

(iii) Sebahagiannya <sup>2</sup> (بَعْضِيَّتُهُ). Yang dimaksudkan dengan sebahagiannya ialah, ia mengandungi serta merangkumi makna masdar yang berfungsi sebagai maf'ul mutlaq tidak secara keseluruhan sebagaimana (كُلِّيَّتُهُ). Malah ia merupakan sebahagian sahaja dari masdar

yang merupakan maf'ul mutlaq. Sebagai contohnya <sup>3</sup> أَكْرَمْتُهُ بَعْضَ الْإِكْرَامِ

(Aku telah memuliakannya dengan sebahagian kemuliaan.) Dalam ayat di

<sup>1</sup> Surah al-Nur, ayat 4.

<sup>2</sup> al-Diqr, ms. 448; Tilb, ms. 99; Babtiy, ms. 1041.

<sup>3</sup> al-Diqr, cet. III, ms. 489.

atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (أَكْرَمَ). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (إِكْرَامٍ). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh kata nama (بَعْضَ) yang mewakili kata nama (إِكْرَامٍ) secara sebahagian sahaja. Jika ditakwilkan, ayat ini akan berbunyi أَكْرَمْتُهُ إِكْرَامَ بَعْضِ الْإِكْرَامِ (Aku telah memuliakannya dengan sebahagian kemuliaan.).

(iv) Ganti nama (الضَّمِيرُ) kepada masdar yang dibuang.<sup>1</sup> Sebagai contohnya (فَإِنِّي أُعَذِّبُهُ عَذَابًا لَّا أُعَذِّبُهُ أَحَدًا مِنَ الْعَالَمِينَ)<sup>2</sup> (Maka sesungguhnya Aku akan menyeksanya dengan azab sengsara yang tidak pernah Aku seksakan seseorang pun dari sekalian makhluk). Maka dalam ayat al-Qur'an al-Karim di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (أُعَذِّبُ). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (تَعَذِّبًا). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh (الضَّمِيرُ) iaitu ganti nama (هُ) yang kembali kepada masdar (عَذَابًا). Sekiranya ayat di atas bukan merupakan

<sup>1</sup> Babtij, Juz. 2, ms. 1042; Tilb, ms. 100.

<sup>2</sup> Surah al-Ma'idat, ayat 115.

ayat al-Qur'an al-Karim, ayat ini akan berbunyi فَأَيُّ أُعَذِّبُهُ تَعَذِّبًا لَا أُعَذِّبُهُ أَحَدًا

مِنَ الْعَالَمِينَ (Maka sesungguhnya Aku akan menyeksanya dengan azab sengsara yang tidak pernah Aku seksakan seseorang pun dari sekalian makhluk).

(v) Sifatnya (صِفْتُهُ). Yang dimaksudkan dengan sifatnya ialah kata nama yang mengambil alih tempat masdar yang merupakan maf'ul mutlaq adalah sifat kepada masdar tersebut. Sebagai contohnya سِرْتُ أَحْسَنَ السَّيْرِ<sup>1</sup> (Aku berjalan dalam bentuk sebaik-baik perjalanan). Dalam ayat di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (سِرْتُ). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (سَيْرًا). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh kata nama (أَحْسَنًا) yang menerangkan sifat kepada kata nama (سَيْرًا). Sekiranya dikembalikan kata nama (سَيْرًا) menjadi maf'ul mutlaq maka ayat ini akan berbunyi سِرْتُ السَّيْرِ أَحْسَنَ السَّيْرِ (Aku berjalan dalam bentuk perjalanan yang baik).

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 448; Tilb, ms. 99; al-Azhariy, Juz. 1, ms. 325.

(vi) Alatnya ( **أَلْتُهُ** ). Yang dimaksudkan dengan alatnya ialah kata nama yang mengambil alih tempat masdar yang merupakan maf'ul mutlaq adalah alat yang digunakan oleh agen yang menasabkan maf'ul mutlaq untuk menjalankan fungsinya. Sebagai contohnya **سَقَيْتُهُ كُوبًا**<sup>1</sup> (Aku memberi minum kepadanya secawan). Dalam ayat di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja ( **سَقَيْتُ** ). Manakala maf'ul mutlaq yang asalnya ialah kata nama ( **سَقِيًّا** ). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh kata nama ( **كُوبًا** ) yang merupakan alat yang digunakan oleh agen yang menasabkan maf'ul mutlaq iaitu kata kerja ( **سَقَيْتُ** ). Pada asalnya ayat ini sepatutnya berbunyi samada **سَقَيْتُهُ سَقِيًّا بِكُوبٍ** (Aku memberi minum kepadanya dengan sungguh-sungguhnya dengan cawan) atau berbunyi **سَقَيْتُهُ سَقِيًّا سَقِيًّا** (Aku memberi minum kepadanya dengan minuman yang diisi dalam cawan).

(vii) Jenisnya ( **نَوْعُهُ** ). Yang dimaksudkan dengan jenisnya ialah kata nama yang mengambil alih tempat masdar yang merupakan maf'ul

---

<sup>1</sup> Bابتي, Juz. 2, ms. 1042.

mutlaq adalah salah satu jenis daripada jenis-jenis maf'ul mutlaq itu sendiri. Sebagai contohnya قَعَدَ الْقُرْفُصَاءِ<sup>1</sup> (Dia duduk mencangkung). Dalam ayat di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (قَعَدَ).

Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (قَعْدًا). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh kata nama (الْقُرْفُصَاءِ). Kata nama (الْقُرْفُصَاءِ) adalah salah satu jenis daripada jenis-jenisnya yang pelbagai bagi kata nama (قَعْدًا). Pada asalnya ayat ini sepatutnya berbunyi قَعَدَ قَعْدَ الْقُرْفُصَاءِ (Dia duduk secara mencangkung).

(viii) Keadaannya (هَيْئَةً). Yang dimaksudkan dengan keadaannya ialah kata nama yang mengambil alih tempat masdar yang merupakan maf'ul mutlaq menerangkan keadaan maf'ul mutlaq secara jelas dan terperinci. Sebagai contohnya مَشَى الْمُجْتَهِدُ مَشِيَّةَ الظَّافِرِينَ<sup>2</sup> (Orang yang berusaha berjalan dalam keadaan perjalanan orang-orang yang menang). Dalam ayat di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (مَشَى). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (مَشِيًّا). Tetapi

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 448; Babsiy, Juz. 2, ms. 1042; al-Azhariy, Juz. 1, ms. 328; al-Hasyimiy, ms. 198

<sup>2</sup> Babsiy, Juz. 2, ms. 1042.

tempatny telah diambil alih oleh kata nama (مَشِيَّةً). Kata nama (الْمَشِيَّةُ) ini menerangkan keadaan yang sebenar bagi kata nama (مَشِيًّا). Pada asalnya ayat ini sepatutnya berbunyi مَشَى الْمُجْتَهِدُ مَشِيَ الظَّافِرِينَ (Orang yang berusaha berjalan jenis perjalanan orang-orang yang berjaya atau seperti perjalanan orang-orang yang berjaya).

(ix) Masanya (وَقْتُهُ). Yang dimaksudkan dengan masanya ialah kata nama yang mengambil alih tempat masdar yang merupakan maf'ul mutlaq menerangkan masa atau detik terjadinya masdar tersebut secara jelas dan terperinci. Sebagai contohnya المَعْلَمُ يَعِيشُ سَاعَةَ الْبُحَّاحِ<sup>1</sup> (Guru merasai kehidupan yang sebenar-benarnya hanya semasa detik-detik kejayaan). Dalam ayat di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (يَعِيشُ). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (عَيْشَةً). Tetapi tempatny telah di ambil alih oleh kata nama (سَاعَةً). Kata nama (سَاعَةً) ini, menerangkan masa atau detik terjadinya maf'ul mutlaq iaitu kata nama (عَيْشَةً). Pada asalnya ayat ini sepatutnya berbunyi المَعْلَمُ

---

<sup>1</sup> Babtuy, Juz. 2, ms. 1042.

يَعِيشُ عَيْشَةَ النَّجَاحِ (Guru hidup dengan kehidupan yang dipenuhi oleh kejayaan).

(x) Partikel pertanyaan ( مَا الْإِسْتِفْهَامِيَّةُ ).

Sebagai contohnya مَا تَكْتُبُ خَطَّكَ؟<sup>1</sup> (Apakah tulisan yang engkau gunakan dalam penulisan engkau). Dalam ayat di atas agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (تَكْتُبُ). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (كِتَابَةٌ). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh partikel

(مَا). Pada asalnya ayat ini sepatutnya berbunyi أَيِّ كِتَابَةٍ تَكْتُبُ خَطَّكَ؟ (ما)

(Apakah jenis tulisan yang engkau gunakan dalam penulisan engkau). Yang dimaksudkan dengan jenis tulisan ini ialah jenis tulisan Ruq'ah atau Thuluth atau Naskh dan lain-lain.<sup>2</sup>

(xi) Partikel (مَا الشَّرْطِيَّةُ). Partikel (مَا) yang digunakan sebagai syarat

bagi melakukan sesuatu kata kerja. Sebagai contohnya

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 218.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>1</sup> مَا شِئْتَ فَاجْلِسْ (Jika kamu mahu duduk maka duduklah). Dalam ayat di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (اجلس). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (جلوس). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh partikel (ما). Partikel (ما) ini, merupakan pra syarat kepada pelaksanaan kata nama (جلوس). Pada asalnya ayat ini sepatutnya berbunyi أَيَّ جُلُوسٍ شِئْتَهُ فَاجْلِسْ (Jika kamu mahu duduk dalam bentuk mana sekali pun maka duduklah).

(xii) Sinonim (مُرَادِفُهُ). Yang dimaksudkan dengannya ialah kata nama yang mengambil alih tempat masdar yang merupakan maf'ul mutlaq adalah perkataan yang seerti dengannya dari sudut makna. Sebagai contohnya قُمْتُ وُقُوفًا سَرِيعًا لِلْقَادِمِ الْعَظِيمِ<sup>2</sup> (Aku berdiri secara cepat dan pantas bagi menghormati pengunjung yang agung). Dalam ayat di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (قُمْتُ). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (قِيَامًا). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 448; Tilb, Juz. 2, ms. 101; Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 218.

<sup>2</sup> Li 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms.216

kata nama (وُفُوًّا) yang seerti dengannya dari sudut makna, walaupun dari sudut lafaznya adalah berbeza di antara dua kata nama tersebut. Pada asalnya ayat ini sepatutnya berbunyi قُمْتُ قِيَامًا سَرِيعًا لِلْقَادِمِ الْعَظِيمِ (Aku berdiri secara cepat dan pantas bagi menghormati pengunjung yang agung).

(xiii) Kata nama tunjuk (اسْمُ الْإِشَارَةِ) Yang mengambil alih tempat masdar yang berfungsi sebagai maf'ul mutlaq. Pada kebiasaannya kata nama tunjuk yang menggantikan masdar berfungsi sebagai maf'ul mutlaq ini akan disusuli oleh masdar seumpama masdar yang dibuang.<sup>1</sup> Sebagai contohnya سَأَعْدِلُ ذَاكَ الْعَدْلَ الْعُمَرِيَّ<sup>2</sup> (Aku akan melakukan keadilan seumpama keadilan Sayidina 'Umar ). Dalam ayat di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (أَعْدِلُ). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (عَدْلًا). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh kata nama tunjuk (ذَاكَ) bertujuan untuk memokuskan secara terperinci terhadap jenis kata nama masdar yang berfungsi sebagai maf'ul mutlaq. Pada asalnya, ayat ini sepatutnya berbunyi سَأَعْدِلُ عَدْلَ الْعُمَرِيَّ (Aku

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms.216.

<sup>2</sup> Ibid.

akan melakukan keadilan seumpama keadilan Sayidina ‘Umar). Kata-kata ini diungkapkan setelah engkau mendengar kata-kata yang diluahkan oleh seseorang tertentu yang berbunyi رَاقِي عَدْلُ عُمَرَ<sup>1</sup> (Keadilan Sayidina ‘Umar r.a. membuatkan aku tertarik serta terharu)

b) Maf‘ul Mutlaq Yang Mengukuhkan Agennya

Bagi maf‘ul mutlaq yang mengukuhkan agennya masdarnya digantikan oleh:

(i) Sinonim (مُرَادِفُهُ). Yang dimaksudkan dengannya ialah kata nama yang mengambil alih tempat masdar yang merupakan maf‘ul mutlaq adalah perkataan yang seerti dengannya dari sudut makna. Sebagai contoh أَبْغَضْتُ الْوَضِيعَ كُرْهًا<sup>2</sup> (Aku memang amat membenci kehinaan dan kelemahan). Dalam ayat di atas, agen yang menasabkan maf‘ul mutlaq ialah kata kerja (أَبْغَضْتُ). Manakala maf‘ul mutlaq yang asal ialah kata nama (إِبْغَاضًا). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh kata nama (كُرْهًا) yang seerti dengannya dari sudut makna walaupun dari sudut lafaznya

---

<sup>1</sup> Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms.216.

<sup>2</sup> Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 214.

adalah berbeza di antara dua kata nama tersebut. Pada asalnya ayat ini sepatutnya berbunyi sama ada *أَبْغَضْتُ الْوَضِيعَ إِبْغَاضًا* (Aku memang amat membenci kehinaan dan kelemahan) atau *كَرِهْتُ الْوَضِيعَ كُرْهًا* (Aku memang amat membenci kehinaan dan kelemahan).

(ii) Kata nama masdar (اسْمُ الْمَصْدَرِ). Yang dimaksudkan dengannya ialah, kata nama ini menyamai masdar dari sudut makna sahaja tetapi ia berbeza dari sudut derivasi (اشتقاق). Yang mana bilangan huruf yang terdapat di dalam kata nama terbitan ini adalah lebih sedikit daripada bilangan huruf yang terdapat dalam masdar.<sup>1</sup> Sebagai contohnya *تَوَضَّأَ الْمُصَلِّي وَضُوءًا*<sup>2</sup> (Orang yang menunaikan sembahyang mengambil air sembahyang). Dalam ayat di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (تَوَضَّأَ). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (وَضُوءًا). Tempatnya telah diambil alih oleh kata nama terbitan (تَوَضَّأَ). Pada asalnya ayat ini sepatutnya berbunyi *تَوَضَّأَ الْمُصَلِّي تَوَضُّأً* (Orang yang menunaikan sembahyang mengambil air sembahyang). Seterusnya kata

---

<sup>1</sup> Babtiy, Juz. 2, ms. 1042.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 214.

nama terbitan yang menggantikan masdar bukanlah terdiri dari kata nama benda (عَلَمٌ). Kata nama benda ini tidak boleh menggantikan masdar disebabkan oleh ia melebihi masdar dari sudut makna. Masdar hanya mengandungi makna peristiwa sahaja. Sekiranya kata nama benda (عَلَمٌ) turut mengambil alih tempat masdar bersama-sama dengan kata nama terbitan maka akan berhimpun dua perkara di dalam satu ayat iaitu makna yang membawa erti kebendaan (الْعَلَمِ مِثْلُهُ) dan juga makna yang menunjukkan peristiwa (الْحَدَثُ). Berdasarkan kepada fakta-fakta yang telah disebut seperti di atas tadi, kata nama benda (عَلَمٌ) sama sekali tidak boleh menggantikan masdar yang merupakan maf'ul mutlaq.<sup>1</sup>

(iii) Kata nama konkrit (اسْمٌ الْعَيْنِ). Yang dimaksudkan dengannya ialah kata nama yang berbentuk fizikal yang boleh dilihat oleh penglihatan yang kasar. Sebagai contohnya <sup>2</sup>( وَاللَّهُ أَنْبَتَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا ) (Dan Allah telah menumbuhkan kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) dari bumi, dengan pertumbuhan yang sungguh-sungguh sempurna). Maka dalam

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 214.

<sup>2</sup> Surah Nuh, ayat 17.

ayat al-Qur'an al-Karim di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (أَنْبَتَ). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (نَبَاتًا). Tetapi tempatnya telah diambil alih oleh kata nama jati iaitu (إِنْبَاتًا).

Jika ditakwilkan ayat al-Qur'an al-Karim ini akan berbunyi وَاللَّهُ أَنْبَتَكُمْ مِّنْ

الأرضِ إِنْبَاتًا (Dan Allah telah menumbuhkan kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) dari bumi, dengan pertumbuhan yang sungguh-sungguh sempurna).

(iv) Masdar yang sama dengan masdar yang berfungsi sebagai maf'ul mutlaq dari sudut derivasi (اشْتَقَاقًا). Yang dimaksudkan dengannya ialah terdapat persamaan di antara maf'ul mutlaq dengan masdar yang mengambil alih tempatnya dari sudut kata dasarnya. Sebagai contohnya<sup>1</sup> (وَتَبَتَّلْ إِلَىٰهِ تَبَتُّلاً) (Serta tumpukanlah (amal ibadat mu) kepadaNya dengan sebulat-bulat tumpuan). Maka dalam ayat al-Qur'an al-Karim di atas, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata kerja (تَبَتَّلَ). Manakala maf'ul mutlaq yang asal ialah kata nama (تَبَتُّلاً). Tetapi tempatnya telah diambil

---

<sup>1</sup> Surah al-Muzzammil, ayat 8.

alih oleh kata nama (تَبْتِيلاً) yang mempunyai persamaan dengan kata nama (تَبْتُلًا) ini dari sudut kata dasarnya. Yang mana kedua-dua kata nama ini iaitu kata nama (تَبْتِيلاً) dan kata nama (تَبْتُلًا) berasal dari kata dasarnya (بَتَلَ).

Jika ditakwilkan ayat al-Qur'an al-Karim ini akan berbunyi وَتَبْتُلْهُ إِلَيْهِ تَبْتُلًا (Serta tumpukanlah (amal ibadatmu) kepadaNya dengan sebulat-bulat tumpuan).

### 3.6. Bentuk Maf'ul Mutlaq

Maf'ul mutlaq mempunyai tiga bentuk iaitu dalam bentuk mufrad, muthanna dan jama' berdasarkan syarat-syarat berikut:

(i) Maf'ul mutlaq yang menguatkan agennya hanya digunakan dalam bentuk tunggal.<sup>1</sup> Sebagai contohnya <sup>2</sup>( وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ) (Hendaklah kamu berbuat baiklah kepada kedua ibubapa). Kata nama (إِحْسَانًا) adalah maf'ul mutlaq kepada kata kerja (أَحْسِنَ) yang merupakan agen yang tidak

---

<sup>1</sup> Ibn 'Aqil, Juz. 1, ms. 562; al-Namir, ms. 101.

<sup>2</sup> Surah al-Nisa', ayat 36

disebut di dalam ayat suci al-Qur'an al-Karim di atas, berdasarkan ayat suci ini sudah difahami walaupun tidak disebut kata kerja (أَحْسِنُ). Kata nama (إِحْسَانًا) tidak boleh dimuthannakan iaitu (إِحْسَانَيْنِ) dan juga tidak boleh dijama'kan iaitu (إِحْسَانَاتٍ). Ini adalah disebabkan kata nama (إِحْسَانًا) yang berfungsi sebagai maf'ul mutlaq bertindak untuk menetapkan serta menguatkan pengulangan kata kerja (أَحْسِنُ). Sekiranya dimuthannakan atau dijama'kan kata nama (إِحْسَانًا) fungsinya yang asal akan hilang iaitu menetapkan serta menguatkan pengulangan kata kerja (أَحْسِنُ). Kata kerja tidak boleh dimuthannakan dan dijama'kan.<sup>1</sup>

(ii) Maf'ul mutlaq yang menerangkan bilangannya boleh dimuthannakan dan dijama'kan.<sup>2</sup>

Sebagai contohnya <sup>3</sup> ( فَيَمِينُونَ عَلَيْكُمْ مِثْلَهُ وَاحِدَةً ) (Supaya dengan jalan itu mereka dapat menyerbu kamu beramai-ramai dengan serentak). Kata nama (مِثْلَهُ) adalah maf'ul mutlaq yang menerangkan bilangan perlakuan kata

---

<sup>1</sup> al-Namir, ms. 101.

<sup>2</sup> al-Diqr, cet. I, ms. 449.

<sup>3</sup> Surah al-Nisa', ayat 102.

kerja (يَمِيلُونَ). Maka kata nama (مَيْلَةٌ) ini disebut dalam bentuk mufrad. Ia juga boleh dimuthannakannya (مَيْلَتَيْنِ) dan dijama'kan (مَيْلَاتٍ) ataupun (مُيُولٍ) mengikut keperluan.

(iii) Maf'ul mutlaq yang menerangkan jenisnya boleh dimuthannakan dan dijama'kan.<sup>1</sup> Sebagai contohnya<sup>2</sup> ( وَتَظُنُّونَ بِاللَّهِ الظُّنُونَا ) (Dan kamu masing-masing pula menyangka terhadap Allah berbagai-bagai). Kata nama (الظُّنُونُ) adalah maf'ul mutlaq yang menentukan jenis kepada kata kerja (تَظُنُّونَ). Maka kata nama (الظُّنُونُ) ini disebut dalam bentuk jama'. Yang mana mufradnya ialah (الظَّنَّ) muthannanya pula ialah (الظَّنَّيْنِ). Huruf alif pada perkataan الظُّنُونُ merupakan huruf tambahan bagi penyesuaian rangkap ayat.<sup>3</sup> Masdar (الظَّنَّ) dijama'kan untuk menunjukkan jenis iman yang berbeza. Orang yang betul-betul beriman akan menyangka

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 449.

<sup>2</sup> Surah al-Ahzab, ayat 10.

<sup>3</sup> al-Darwisy, Jld. 7, ms. 606.

segala janji-janji Allah tentang kemenangan adalah benar, manakala mereka yang lemah imannya akan merasa kecewa.<sup>1</sup>

### 3.7. Kesimpulan

Agen yang menasabkan maf'ul mutlaq ialah kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) yang serupa dengannya dari lafaz dan makna, kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) yang serupa dengannya dari sudut makna sahaja, kata kerja mutasarrif tam dan wasf yang terdiri dari kata nama pelaku, kata nama objek dan pola kepalingan. Agen yang menasabkan maf'ul mutlaq digugurkan bagi gaya insya' talabiy, gaya insya' ghair talabiy dan bagi gaya penyata.

Bagi maf'ul mutlaq yang menerangkan jenis dan yang menerangkan bilangan harus dibuag agennya apabila terdapat bukti dari sudut konteks (دَلِيلٌ مَقَالِيٌّ) tentang pembuangannya dan apabila terdapat bukti dari sudut situasi (دَلِيلٌ حَالِيٌّ) tentang pembuangannya. Bagi maf'ul mutlaq yang menerangkan jenis ia boleh digantikan oleh keseluruhannya (كُلِّيَّتُهُ),

---

<sup>1</sup> al-Darwisy, Jld. 7, ms. 613.

bilangannya (عَدَدُهُ), sebahagiannya (بَعْضِيَّتُهُ), ganti nama (الْضَّمِيرُ), sifatnya (صِفَتُهُ), alatnya (آلَتُهُ), jenisnya (نَوْعُهُ), keadaannya (هَيْئَتُهُ), masanya (وَقْتُهُ), partikel pertanyaan (مَا الْإِسْتِفْهَامِيَّةُ), partikel (مَا الشَّرْطِيَّةُ), sinonim (مُرَادِفُهُ) dan kata nama tunjuk (اسْمُ الْإِشَارَةِ).

Bagi maf'ul mutlaq yang mengukuhkan agennya ia boleh digantikan oleh sinonimnya (مُرَادِفُهُ), kata nama masdar (اسْمُ الْمَصْدَرِ), kata nama konkrit (اسْمُ الْعَيْنِ) dan masdar yang sama dengannya dari sudut asal-usulnya (اِسْتِثْقَائُ). Maf'ul mutlaq mempunyai tiga bentuk iaitu bentuk tunggal, bentuk muthanna dan bentuk jama'. Dari sudut semantik didapati maf'ul mutlaq mempunyai tiga fungsi yang mana ada ketikanya berhimpun ketiga-tiga fungsi dalam satu masa.